

Artikel Penyelidikan

Seni Arca Kontemporari sebagai Medium Warisan Budaya: Kajian terhadap Raja Shahrman bin Raja Aziddin

Nur Azrin Asyiqin Mohd Sedi^{1*}, Nurul Muniroh Muhamad², Fatin Nur Zulkipli^{3*}, dan Siti Aishah Mokhtar⁴

¹ Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; nurazrinasyiqin250300@gmail.com;

² Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; munirahmuhamad00@gmail.com;

³ Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; fatinnurzul@uitm.edu.my;  0000-0003-3234-9066

⁴ Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; aishah835@uitm.edu.my;  0009-0005-8916-0856

* Correspondence: fatinnurzul@uitm.edu.my; +60124515040.

Abstrak: Artikel ini berasaskan dapatan kajian penulis terhadap seorang tokoh sejarah lisan yang dijalankan bersama Encik Raja Shahrman bin Raja Aziddin, seorang pengarca tersohor di Malaysia. Artikel ini menyingkap pengalaman beliau dalam menghasilkan arca besi dengan menggunakan kudrat sendiri dengan penuh ketekunan. Raja Shahrman dilahirkan pada tahun 1967 di Kuala Kangsar, Perak. Beliau merupakan graduan Seni Halus dari Sekolah Seni Halus, Universiti Teknologi MARA (UiTM) pada tahun 1990 dengan pengkhususan dalam bidang arca. Sebagai seorang pengarca yang prolifik, beliau komited meneroka penggunaan bahan besi melalui idea-idea baharu yang menyumbang kepada perkembangan seni kontemporari. Kajian ini bertujuan mempelajari pengalaman serta rahsia kejayaan Raja Shahrman bin Raja Aziddin dalam bidang seni arca dan kehidupan sebagai seorang pengarca. Tokoh ini dipilih kerana pendekatan unik beliau dalam menghasilkan arca besi dengan menggunakan gabungan kaedah tradisional dan moden. Kebanyakan karya beliau dihasilkan dengan kreativiti sendiri, di samping memanfaatkan penggunaan teknologi moden. Daripada kajian yang telah dibuat, dapat dirumuskan bahawa Raja Shahrman dapat dirumuskan sebagai seorang seniman tulen yang bukan sahaja menguasai bahan besi, tetapi juga berjaya mengangkat seni arca sebagai bahasa ekspresi yang bermakna dan beridentiti tinggi dalam seni kontemporari Malaysia.

Kata kunci: Seni, Tokoh, Arca, Arca besi, Pengarca



Copyright: © 2026 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Raja Shahrman bin Raja Aziddin merupakan seorang pengarca terkenal di Malaysia yang sinonim dengan penghasilan karya arca besi yang unik dan beridentiti tersendiri. Beliau telah dipilih sebagai tokoh Seni Warisan Tempatan kerana sumbangan dan kejayaan beliau dalam memperkembangkan seni arca kontemporari, khususnya melalui pendekatan kreatif yang menggabungkan elemen tradisional dan moden (Sinar Harian, 2006). Dalam kajian ini, tokoh tersebut telah berkongsi latar belakang kehidupan, pengalaman berkarya serta rahsia kejayaan yang telah membentuk perjalanan seninya.

Kajian ini dijalankan bagi memahami dengan lebih mendalam pengalaman serta biodata tokoh pengarca ini. Sepanjang perjalanan hidupnya, beliau telah melalui pelbagai fasa cabaran yang berjaya ditempuhi dengan kesabaran, ketekunan dan semangat yang tinggi. Pengalaman tersebut bukan sahaja memantapkan beliau sebagai seorang seniman, malah menjadikan dirinya lebih berdaya tahan dalam menghadapi cabaran masa hadapan.

Selain itu, latar belakang pendidikan dan pendedahan awal beliau terhadap kemahiran pertukangan besi turut memainkan peranan penting dalam pembentukan gaya seni yang dihasilkan. Penglibatan awal dalam kerja-kerja besi dan pembelajaran teknik tradisional seperti pembuatan keris telah memberi asas teknikal yang kukuh dalam menghasilkan arca yang kompleks dan bersifat dinamik. Karya yang dihasilkan beliau mempunyai nilai estetika dan makna simbolik yang tinggi melalui gabungan antara kemahiran tradisional dan pendekatan kontemporari. Hasil karya beliau juga sering memperlihatkan elemen pergerakan, kekuatan dan emosi yang diilhamkan daripada seni silat Melayu dan ini menjadikannya beliau sebagai antara pengarca yang mempunyai identiti visual yang sangat kuat dalam seni arca Malaysia. Pendekatan yang beliau gunakan telah memperlihatkan keunikan gaya beliau sebagai pengarca yang unik, malah turut mencerminkan usaha dalam mengangkat warisan budaya Melayu ke dalam bentuk seni moden.

Melalui kajian ini, dapatlah diketengahkan kepada masyarakat tentang nilai dan keunikan perjalanan hidup seorang pengarca yang masih kurang didedahkan oleh media, tetapi sarat dengan pengajaran dan makna yang mendalam yang dapat dijadikan contoh kepada semua. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan dalam memperluaskan pemahaman masyarakat terhadap peranan dan signifikan seni arca dalam konteks seni visual Malaysia, di samping mengangkat martabat pengarca tempatan dan lebih dikenali sebagai seniman tempatan di peringkat nasional dan antarabangsa.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi meneliti dan memahami dengan lebih mendalam pengalaman serta latar belakang tokoh pengarca tersebut. Beliau telah berjaya mengharungi pelbagai cabaran hidup dengan penuh kesabaran dan semangat yang tinggi. Rentetan pengalaman yang dilalui bukan sahaja memantapkan dirinya, malah membentuk ketahanan dalam menghadapi cabaran masa hadapan. Menurut Sabapathy (1994) & Mulyadi Mahamood (2001), perkembangan seseorang pengkarya seni banyak dipengaruhi oleh pengalaman peribadi, persekitaran sosial serta proses pembentukan identiti kreatif yang berterusan.

Pengalaman hidup yang berasaskan interaksi dengan budaya, persekitaran dan kemahiran tradisional dilihat sangat penting dalam memberikan kekuatan estetika dan makna dalam penghasilan karya seni seseorang tokoh. Dalam konteks pengarca ini, selain menjadi kenangan peribadi, setiap pengalaman yang dilalui juga dapat diterjemahkan ke dalam bentuk visual yang sarat dengan simbolisme dan ekspresi emosi. Rentetan daripada itu, jelaslah bahawa seni bukan semata hasil kreativiti yang dihasilkan oleh seorang pengarca, tetapi juga cerminan perjalanan hidup mereka yang membantu dalam membentuk identiti dan falsafah mereka dalam berkarya. Oleh itu, pengalaman ini berpotensi menjadi sumber inspirasi yang kepada semua untuk dimanfaatkan dalam penghasilan karya seni yang lebih bermakna, mendalam dan hidup.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Berikut merupakan objektif kajian yang dirumuskan bagi membantu penyelidik meneliti penglibatan tokoh dalam industri hiburan serta memperoleh maklumat yang relevan melalui sesi temu bual bersama tokoh.

1. Mengkaji pengalaman dan rahsia kejayaan tokoh yang begitu berharga dalam bidang seni arca dan kehidupan sebagai pengarca.
2. Meneliti pendekatan unik tokoh dalam menghasilkan arca besi melalui gabungan kaedah tradisional dan moden.
3. Mengenal pasti faktor kejayaan serta pengajaran dan nilai inspirasi daripada cabaran, kesusahan dan pengorbanan yang telah dilalui tokoh.

4. PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan objektif yang telah digariskan, beberapa persoalan kajian dirumuskan bagi memperoleh maklumat yang lebih mendalam dan terperinci, iaitu:

1. Apakah pengalaman dan rahsia kejayaan tokoh yang begitu berharga dalam bidang seni arca dan kehidupan sebagai pengarca?
2. Apakah pendekatan unik yang digunakan tokoh dalam menghasilkan arca besi?
3. Apakah faktor kejayaan serta pengajaran dan nilai inspirasi daripada cabaran, kesusahan dan pengorbanan yang telah dilalui tokoh?

5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan dan sumbangan dalam memperkaya pemahaman terhadap seni arca besi sebagai satu bentuk seni tiga dimensi yang wujud dalam ruang nyata. Antaranya, kajian ini dapat memberikan pendedahan kepada masyarakat tentang keunikan dan nilai seni arca besi, termasuk mesej dan makna tersirat yang ingin disampaikan melalui setiap karya. Selain itu, kajian ini turut membantu meningkatkan kesedaran tentang faedah dan kelebihan bidang seni arca, sekaligus mengelakkan ianya daripada dipinggirkan. Secara tidak langsung, dapatan kajian ini berpotensi menarik minat generasi baharu untuk menceburi bidang seni arca serta memastikan kesinambungan dan perkembangan seni ini pada masa hadapan.

Di samping itu, kajian ini jugamembantu dalam memperkukuh apresiasi terhadap seni visual tempatan yang berakar umbikan identiti budaya dan pengalaman masyarakat tempatan. Hal ini selari dengan pandangan bahawa seni bukan sahaja berfungsi sebagai ekspresi estetika, tetapi juga sebagai medium komunikasi budaya dan pemikiran yang membentuk jati diri sesuatu masyarakat (Sabapathy, 1994; Muliyadi Mahamood, 2001). Justeru, kajian ini dilihat sangat penting bagi memastikan usaha pemeliharaan warisan seni serta mempertingkatkan lagi kefahaman terhadap perkembangan seni arca kontemporari di Malaysia. Selain daripada itu, hasil dapatan kajian ini juga berpotensi dalam menarik minat generasi baharu untuk menceburi bidang seni arca dalam memastikan kesinambungan dan perkembangan seni ini pada masa hadapan.

6. TINJAUAN LITERATUR

Raja Shahrman bin Raja Aziddin merupakan antara tokoh penting dalam perkembangan seni arca moden Malaysia yang mula menonjol sejak era 1990-an. Beliau dikenali sebagai pengarca besi yang menggabungkan elemen budaya Melayu, spiritualiti dan ekspresi fizikal dalam karya-karyanya. Menurut Abdul Halim Husain (2018), generasi kedua pengarca Malaysia termasuk Raja Shahrman telah memperkenalkan pendekatan baharu yang berakar pada identiti budaya tempatan serta nilai sosial masyarakat Melayu. Kajian juga menunjukkan bahawa karya beliau banyak dipengaruhi oleh seni silat Melayu yang diterjemahkan dalam bentuk pergerakan dinamik besi, menggambarkan kekuatan, emosi dan ketegangan manusia. Menurut Nur Hanim (2009), karya Raja Shahrman seperti *Killing Tools Dancing Warriors* memaparkan estetika kekerasan dan keindahan paradoks melalui

penggunaan besi tempa yang agresif tetapi puitis. Elemen ini menjadikan beliau unik dalam kalangan pengarca Malaysia kerana berjaya menggabungkan aspek fizikal dan metafizikal dalam seni.

Menurut T.K. Sabapathy (1994), perkembangan seni moden Malaysia banyak dipengaruhi oleh idea, budaya dan pengalaman tempatan yang diterjemahkan melalui pendekatan visual kontemporari. Melalui penulisan beliau, jelas menunjukkan bahawa pengkarya seni moden Malaysia berusaha membentuk identiti seni yang berasaskan nilai budaya tempatan tanpa dipengaruhi budaya Barat seperti mana yang dapat dilihat dalam karya Raja Shahrman yang menggunakan simbolisme Melayu seperti silat dan keris sebagai bahasa visual utama dalam penghasilan arca besinya. Karya beliau turut menggambarkan semangat kepahlawanan, kekuatan emosi serta falsafah kehidupan masyarakat Melayu melalui penerapan elemen pergerakan dan bentuk dramatic. Selain dari nilai estetik, karya Raja Shahrman berfungsi sebagai medium yang membawa identiti budaya dan pemikiran masyarakat tempatan ke dalam seni arca moden Malaysia.

Dari sudut identiti budaya, kajian mendapati bahawa karya beliau sering dikaitkan dengan simbolisme Melayu seperti keris, pergerakan silat dan falsafah kehidupan. Ini menunjukkan hubungan erat antara seni dan budaya dalam proses kreatif beliau. Abdul Halim Husain (2018) menegaskan bahawa seni arca Malaysia moden banyak dipengaruhi oleh objek budaya tempatan yang menjadi sumber inspirasi utama pengarca. Selain itu, Raja Shahrman turut dikenali sebagai pengarca yang menguasai teknik pertukangan besi tradisional seperti kaedah membuat keris yang dipelajari daripada tukang besi tempatan. Pengalaman ini memberi impak besar terhadap kekuatan teknikal karya beliau, khususnya dalam penghasilan struktur besi yang kompleks.

Kajian oleh Liza Marziana (2024) pula menegaskan bahawa karya beliau mempunyai dimensi spiritual yang mendalam serta menunjukkan penguasaan teknikal yang tinggi dalam seni arca kontemporari Malaysia. Hal ini menjadikan beliau bukan sahaja sebagai artis, tetapi juga sebagai pemikir seni yang membawa makna dalam setiap karya. Dari perspektif proses kreatif, Raja Shahrman sering bekerja secara manual menggunakan tenaga fizikal sendiri dalam membentuk besi, menjadikan karya beliau autentik dan sarat dengan ekspresi peribadi. Menurut ILHAM Gallery (2014), beliau mahir menukar besi terpakai kepada bentuk figura dinamik yang penuh makna visual. Selain itu, karya beliau turut dipamerkan secara meluas di peringkat nasional dan antarabangsa, termasuk di Galeri Nasional Malaysia dan koleksi institusi seni penting. Ini menunjukkan pengiktirafan terhadap sumbangan beliau dalam seni arca kontemporari.

Muliyadi Mahamood (2001) dalam penulisan beliau menyatakan bahawa perkembangan seni lukis moden Malaysia melalui perubahan daripada era perintis kepada era pluralis yang lebih terbuka terhadap eksperimen media, teknik dan pemikiran seni. Dalam konteks ini, Raja Shahrman dilihat sebagai antara pengarca yang membawa pendekatan baharu dalam seni arca kontemporari melalui penggunaan besi tempa secara ekspresif dan dramatik. Keberanian beliau dalam meneroka bentuk visual yang berbeza daripada pengarca tradisional lain dapat dilihat daripada penggunaan medium besi secara agresif tetapi artistik.

Dalam konteks perkembangan seni Malaysia, nama Raja Shahrman telah diangkat sebagai seorang pengarca yang berjaya mengangkat seni tempatan ke peringkat global melalui pendekatan kontemporari beliau yang berakar umbikan budaya Melayu. Kajian juga menunjukkan bahawa beliau menggunakan seni sebagai medium komunikasi visual yang membawa makna budaya, spiritual dan sosial kepada masyarakat. Menurut Redza Piyadasa (2001), seni moden Malaysia berkembang melalui proses pencarian identiti yang menggabungkan tradisi tempatan dengan pengaruh global. Hal ini telah dibuktikan seperti mana karya Raja Shahrman yang memadukan teknik arca moden dengan elemen budaya Melayu tradisional. Secara keseluruhannya, literatur menunjukkan bahawa Raja Shahrman

bukan sekadar pengarca besi, tetapi juga simbol kepada gabungan antara tradisi, spiritualiti dan seni moden Malaysia yang membentuk identiti unik dalam seni arca kontemporari negara.

7. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui gabungan beberapa kaedah bagi mendapatkan maklumat yang sahih dan menyeluruh mengenai Raja Shahrman bin Raja Aziddin. Kaedah utama yang digunakan ialah temu bual separa berstruktur bersama tokoh, yang membolehkan data diperolehi secara langsung daripada pengalaman beliau sebagai pengarca, termasuk aspek proses penghasilan arca besi, pemilihan bahan, idea kreatif serta mesej yang ingin disampaikan kepada generasi muda (Kvale & Brinkmann, 2015; Creswell & Poth, 2018). Selain itu, kaedah perbincangan turut digunakan bagi memperkukuh kefahaman penyelidik melalui soalan tambahan yang lebih mendalam berkaitan proses kreatif dan pengalaman beliau. Di samping itu, kaedah analisis dokumen turut diaplikasikan dengan meneliti bahan bertulis seperti artikel, katalog pameran, jurnal serta dokumentasi karya bagi menyokong data temu bual (Bowen, 2009). Gabungan kaedah ini meningkatkan kebolehpercayaan kajian melalui triangulasi data, iaitu penggunaan pelbagai sumber bagi mengesahkan dapatan kajian (Flick, 2018). Secara keseluruhannya, pendekatan ini memastikan kajian dijalankan secara sistematik, berstruktur dan berasaskan bukti yang kukuh.

8. HASIL KAJIAN

Hasil kajian ini mendapati bahawa arca besi karya Raja Shahrman bin Raja Aziddin menampilkan keunikan yang luar biasa sehingga sukar dibayangkan bagaimana struktur arca yang kelihatan seolah-olah “melawan hukum fizik” dapat dihasilkan dengan begitu artistik dan terperinci. Tahap kreativiti, kemahiran teknikal dan penguasaan bahan yang sangat tinggi dalam penghasilan karya seni dapat diperlihatkan dengan keupayaan beliau memanipulasi material besi dengan teknik yang kompleks. Hasil seni beliau juga telah mendapat pelbagai pengiktirafan dan dianggap antara karya arca moden yang signifikan dalam landskap seni visual Negara kerana kehalusan bentuk, kekuatan ekspresi serta elemen dramatik yang diterapkan dalam setiap karya hasil seni beliau.

Keistimewaan dan keunikan karya beliau turut mendapat perhatian daripada pelbagai pengumpul seni, galeri serta institusi seni antarabangsa dari negara seperti Jepun, Perancis, United Kingdom, Amerika Syarikat dan Singapura sama ada untuk dijadikan koleksi peribadi mahupun dipamerkan di muzium dan galeri seni (ILHAM Gallery, 2014; Nur Hanim, 2009). Pengiktirafan yang diperolehi telah membuktikan bahawa karya beliau bukan sahaja dihargai di peringkat tempatan, malah turut mempunyai nilai estetika dan intelektual yang tinggi di persada antarabangsa. Menurut Antara rahsia utama keunikan karya beliau ialah kerana beliau menggunakan teknik pertukangan tradisional besi dan penempaan keris Melayu yang diadaptasi ke dalam penghasilan arca moden secara kreatif dan inovatif. Melalui teknik dan kaedah ini, ianya memperlihatkan bagaimana elemen warisan budaya tempatan dapat diangkat dan ditonjolkan semula dalam bentuk seni kontemporari tanpa menghilangkan identiti asalnya.

Kajian yang dibuat oleh Nur Hanim (2009), menunjukkan besi merupakan bahan yang keras dan sukar dikendalikan, namun material tersebut sebenarnya mudah dibentuk sekiranya teknik yang betul difahami, dipelajari dan dikuasai dengan baik. Penguasaan terhadap teknik dan sifat bahan ini membolehkan beliau menzahirkan ekspresi artistik secara lebih bebas, berani dan dinamik dalam setiap karya yang dihasilkan. Hasil penemuan daripada kajian ini telah menunjukkan bahawa kekuatan utama karya tokoh terletak pada gabungan antara kemahiran teknikal, pemahaman terhadap material. Selain itu, penerapan elemen budaya tradisional serta keupayaan menyampaikan emosi dan makna melalui bentuk arca yang kompleks dan ekspresif juga menjadi identiti karya seni beliau.

9. KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian terhadap Raja Shahrman bin Raja Aziddin menunjukkan bahawa beliau merupakan pengarca besi yang sangat berkemahiran tinggi dalam mengolah bahan besi sebagai medium utama ekspresi seni, khususnya melalui teknik tradisional penempaan keris (*hand forged*) yang memerlukan ketelitian, tenaga dan masa yang besar. Keunikan karya beliau terserlah apabila besi yang keras berjaya dibentuk seolah-olah lembut dan dinamik, sekaligus memperlihatkan identiti tersendiri berbanding pengarca lain. Karya-karya beliau bukan sahaja menonjolkan aspek estetik, tetapi turut sarat dengan mesej berkaitan kepahlawanan, kekuasaan, kemanusiaan serta konflik kehidupan, termasuk penggunaan simbol seperti peluru yang melambangkan kemusnahan dan peperangan. Melalui gabungan elemen tradisional dan moden dalam tema seperti "Kemelut Zaman", beliau berjaya menjadikan arca sebagai medium penyampaian idea dan falsafah secara tersirat kepada masyarakat. Justeru, Raja Shahrman dapat dirumuskan sebagai seorang seniman tulen yang bukan sahaja menguasai bahan besi, tetapi juga berjaya mengangkat seni arca sebagai bahasa ekspresi yang bermakna dan beridentiti tinggi dalam seni kontemporari Malaysia.

RUJUKAN

- Abdul Halim Husain. (2018). Regional Identity of Malaysian Sculptors based on Social Cultural System. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 222, Atlantis Press, 267-273.
- Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27-40.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). Sage Publications.
- Flick, U. (2018). *An introduction to qualitative research* (6th ed.). Sage Publications.
- ILHAM Gallery (2014). *Gembala G4: Raja Shahrman Bin Raja Aziddin Collection Notes*. <https://collection.ilhamgallery.com/arts/gembala-g4-376>. Accessed on 5 May 2026.
- Kvale, S., & Brinkmann, S. (2015). *InterViews: Learning the craft of qualitative research interviewing* (3rd ed.). Sage Publications.
- Liza Marziana Mohammad Noh (2024). The Malay world view on Raja Shahrman Raja Aziddin sculptures. *ARTE: Art & Expression*, 10-15.
- Muliyadi Mahamood. (2001). *Seni lukis moden Malaysia: Era perintis hingga era pluralis (1930-1990)*. Utusan Publications & Distributors.
- Nur Hanim Mohamed Khairuddin (2009). *Raja Shahrman: Killing Tools, Dancing Warriors. Universes in Universe* (Nafas). <https://universes.art/en/nafas/articles/2009/raja-shahrman>. Accessed on 5 May 2026.
- Piyadasa, R. (2000). *Rupa Malaysia: Meninjau seni lukis moden Malaysia*. Balai Seni Lukis Negara.
- Sabapathy, T. K. (Ed.). (1994). *Vision and Idea: Re-looking modern Malaysian art*. National Art Gallery Malaysia.
- Sinar Harian. (2026). *Tempa seni pada besi arca Raja Shahrman angkat nilai warisan tanah air*. <https://www.sinarharian.com.my/article/768556/edisi/perak/tempa-seni-pada-besi-arca-raja-shahrman-angkat-nilai-warisan-tanah-air>. Accessed on 5 May 2026.